



**MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-20  
MAJLIS MESYUARAT NEGARA  
(JURNAL HARIAN)**

---

**PADA HARI RABU, 09HB., RAMADHAN 1445 / 20HB., MAC 2024  
(HARI KEENAM BELAS)**

**1. Do'a Selamat**

**2. MESYUARAT DI PERINGKAT JAWATANKUASA**

**2.1. KEMENTERIAN KESIHATAN**

2.1.1. Jawatankuasa telah menyambung bagi menimbangkan tajuk di bawah Kementerian Kesihatan iaitu Tajuk SM01A.

2.1.2. Beberapa orang Ahli-Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik telah menyampaikan pendapat dan pandangan mereka dan seterusnya direspon oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan, iaitu:

- i. Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Suyoi bin Haji Osman;
  - Menyoalkan mengenai aksesibiliti kepada penjaga kesihatan iaitu kemudahan untuk mendapatkan perkhidmatan kesihatan utama, menengah dan tertiar;
  - Menyoalkan mengenai tempoh masa menunggu yang lama di perkhidmatan kecemasan dan pusat-pusat kesihatan serta perjanjian perjumpaan dengan pakar-pakar bagi tujuan pembedahan, rawatan, penyiasatan dan lain-lain;
  - Menyatakan pendapat bahawa sebahagian daripada perkhidmatan kesihatan boleh di *outsourc*e kepada klinik-klinik swasta yang boleh memberi perkhidmatan yang cepat, cekap dan kos efektif bagi jangka masa panjang;
  - Menyoalkan mengenai hospital-hospital kerajaan yang memerlukan banyak kerja-kerja pembaikan

yang mengakibatkan kurang keselesaan bagi pesakit dan pengunjung;

- Memohon pencerahan mengenai status pelaksanaan langkah-langkah yang dinyatakan dalam pelan tindakan terutamanya yang berkaitan dengan penyakit Demensia;
- Menyoalkan mengenai perkhidmatan yang diberikan oleh Kementerian Kesihatan untuk menangani penyakit Demensia dari segi pencegahan, pengesanan, rawatan dan penjagaan untuk jangka masa sederhana dan panjang;
- Menyarankan Kementerian Kesihatan untuk memastikan sumber yang cukup bagi pelaksanaan setiap tindakan dalam pelan menangani Demensia termasuk sumber manusia yang berkelayakan dan mempertimbangkan sumber luar dan pembiayaan di luar sektor kerajaan; dan
- Menyarankan agar dapat diberi pemberitaan berterusan mengenai Demensia agar diketahui oleh masyarakat umum dan meningkatkan kesedaran agar dapat mencegahnya.

ii. Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed;

- Mencadangkan dan memohon dipertimbangkan jawatan jururawat ditempatkan di sekolah-sekolah secara sepenuh masa bagi memperkukuhkan langkah-langkah pencegahan penyakit di kalangan pelajar-pelajar, mengurangkan jurang infrastruktur serta memastikan tindakan kecemasan dapat dilakukan dengan segera tanpa perlu menunggu ambulans dan paramedik.

iii. Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan;

- Memohon pencerahan persediaan Kementerian Kesihatan berkenaan dengan kemampuan Pusat Pengasingan Kebangsaan atau *National Isolation Centre* (NIC) yang sedia ada dan berapakah kos pemeliharaan penggunaan NIC yang ditanggung oleh kerajaan setiap tahun.

- iv. Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Rahman bin Haji Ibrahim;
- Menyatakan pendapat bahawa perkhidmatan kesihatan perlu mengambil kira sudut *sustainability* dan *value for money* dengan itu pilihan-pilihan yang praktikal perlulah diteliti dari sekarang untuk memelihara kesihatan rakyat secara berterusan;
  - Memohon pencerahan daripada Kementerian Kesihatan berkenaan *strategic output* atau sasaran yang akan dihasilkan dari kenaikan peruntukan khusus dari segi memperkesakan dan meningkatkan pemberian perkhidmatan kesihatan dan perubatan kepada orang ramai terutamanya mengenai memendekkan masa menunggu, kualiti perkhidmatan dan kepuasan hati pelanggan; dan
  - Ingin mengetahui jika terdapat mekanisme menyukat pencapaian bidang ini secara berterusan.
- v. Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Mohd Yusuf;
- Ingin mengetahui jika mengikuti tren transformasi ICT dan digital merupakan satu keutamaan yang diperlukan berbanding dengan memfokuskan kepada keperluan-keperluan asasi;
  - Menekankan mustahaknya pembangunan pusat pergigian untuk didirikan di Negara Brunei Darussalam;
  - Menyoalkan mengenai kemampuan Kementerian Kesihatan dalam memberikan perkhidmatan terbaik yang disarankan khususnya dalam kesihatan mulut dan pergigian;
  - Memohon pencerahan jika terdapat mekanisme yang diperkenalkan bagi memastikan projek-projek E-Kerajaan atau *Information and Communication Technology* (ICT) yang memerlukan perbelanjaan besar perlu melalui proses penilaian dari segi impak kepada masyarakat terlebih dahulu atau memberikan keutamaan kepada keperluan asas Kementerian Kesihatan jika ianya mendatangkan faedah yang lebih signifikan kepada masyarakat;

- Ingin mengetahui jika terdapat kolaborasi peralatan perubatan dilaksanakan dengan mengikut *standard procedure* yang dijadualkan bagi mengelakkan kurang ketepatan dalam rawatan pesakit yang boleh menjejaskan prosedur rawatan dan perubatan;
  - Ingin mengetahui jika pemeriksaan secara berjadual dan berterusan dilaksanakan bagi peralatan-peralatan perubatan secara keseluruhan mengikut piawaian dan jika penggantian bagi peralatan-peralatan perubatan yang luput jangka hayatnya telah dilaksanakan; dan
  - Memohon pencerahan mengenai kedudukan pusat pergigian yang baharu.
- vi. Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial @Tekpin bin Ya'akub;
- Ingin mengetahui perancangan ke hadapan dalam meningkatkan kualiti perkhidmatan hospital-hospital di negara ini sehingga setanding dengan hospital-hospital di peringkat serantau.
- vii. Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin;
- Menyoalkan sekiranya jumlah bot ambulans negara mencukupi untuk menangani sebarang permintaan perubatan kecemasan jika terjadinya kecemasan atas sungai dan di perairan negara; dan
  - Ingin mengetahui jika Kementerian Kesihatan mempunyai perancangan untuk menambah bot ambulans yang sedia ada memandangkan kes-kes kecemasan di Kampong Ayer semakin meningkat.
- viii. Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin;
- Ingin mengetahui kaedah bagi memastikan kerahsiaan rekod kesihatan mental individu;
  - Mencadangkan pihak Kementerian Kesihatan untuk bekerjasama dengan agensi-agensi berkaitan bagi memastikan pesakit mental diterima dengan keadaan mereka tanpa sebarang halangan;
  - Mencadangkan untuk meningkatkan jumlah sumber tenaga yang mengendalikan Talian

Harapan 145 untuk memastikan kecekapan perkhidmatan dengan kenaikan jumlah panggilan yang diterima; dan

- Mencadangkan program kesedaran jerayawara kesihatan mental untuk dipertingkatkan bersama agensi-agensi kementerian, swasta dan institusi pendidikan dan menyeru agar diteruskan usaha-usaha bagi klinik psikiatrik diberi suasana yang mesra.
- ix. Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin ;
- Ingin mengetahui jika pelajar-pelajar yang mengikuti kursus di kolej *JPMC College of Health Sciences* (JCHS) diiktiraf secara antarabangsa yang boleh menjadikan mereka *marketable* di dalam dan luar negara.
- x. Yang Berhormat Awang Mohammad bin Abdullah @ Lim Swee Ann;
- Mencadangkan untuk meneliti dan mempertimbangkan bagi mewujudkan pusat perkhidmatan ambulan di kawasan pedalaman dan ambulans udara yang beroperasi 24 jam di kawasan pedalaman.
- xi. Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir;
- Menyoalkan jika masih terdapat pesakit-pesakit yang dihantar ke luar negara untuk mendapatkan rawatan dan jumlah peratus penjimatan kos bagi setiap pesakit jika mendapatkan rawatan di dalam negara berbanding di luar negara; dan
  - Ingin mengetahui perancangan pihak kerajaan ke arah mempertingkatkan keupayaan atau kapasiti makmal hospital tempatan.
- xii. Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Salleh bin Haji Othman;
- Menyarankan agar Kementerian Kesihatan menguatkuasakan Bab (5) Akta Kesihatan Awam (Makanan) (Penggalaan 182) agar isu lalat dan lain-lain serangga dapat ditangani dengan sewajarnya dan mencadangkan Kementerian Kesihatan untuk memberi bimbingan kepada

peniaga-peniaga makanan tentang kaedah-kaedah pengawalan yang sesuai.

- 2.1.3. Tajuk Kementerian Kesihatan iaitu SM01A telah diundi dan dipersetujui oleh kesemua Ahli Yang Berhormat, dan dijadikan sebahagian daripada Jadual.

## **2.2. KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI**

- 2.2.1. Jawatankuasa telah menimbangkan tajuk di bawah Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi iaitu Tajuk SN01A hingga Tajuk SN09A.

- 2.2.2. Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi telah menyampaikan mukadimahnyanya mengenai anggaran perbelanjaan dan hala tuju Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi dan Jabatan-Jabatan di bawahnya.

- 2.2.3. Beberapa orang Ahli-Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik telah menyampaikan pendapat dan pandangan mereka dan seterusnya direspon oleh Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, iaitu:

- i. Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Mohd Yusuf;
  - Menyoal mengenai peranan Pusat Kebangsaan E-Kerajaan (EGNC) memandangkan kepakaran digital transformasi dipusatkan kepada agensi berkenaan bersama kapasiti tenaga manusia untuk melaksanakan projek-projek digital dan transformasi bagi keseluruhan jangka kerajaan bersama kementerian-kementerian lain;
  - Ingin mengetahui jika EGNC telah membuat perancangan bagi melahirkan pakar-pakarnya sendiri dalam pelbagai bidang teknikal seperti *application development* bagi mendukung dan menyokong usaha transformasi digital;
  - Ingin mengetahui sejauh mana inisiatif di bawah *Brunei Solution Developments Centre* (BSDC) iaitu *Capability and Mentoring Programme* (CAMP) membuah hasil dan apakah inisiatif serupa dan yang masih diteruskan atau diberhentikan;
  - Memohon pencerahan mengenai strategi atau inisiatif untuk memastikan *transfer of technology*

- atau *knowledge* kepada anak tempatan untuk mencapai ke tahap kepelbagaian kemahiran profesion yang tinggi supaya negara tidak bergantung kepada pakar-pakar luar negeri;
- Ingin mengetahui jika ada sebarang penelitian atau kajian dilakukan termasuk *cost effectiveness* terhadap sesuatu projek E-Kerajaan atau ICT menjurus ke arah transformasi digital untuk jentera kerajaan yang lebih *sustainable*, dan bagi mengelakkan duplikasi dalam projek E-Kerajaan dari berlaku bagi menjimatkan perbelanjaan kerajaan.
- ii. Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee ;
- Ingin mengetahui apakah inisiatif yang sedang dijalankan untuk mewujudkan *data framework* dan *data governance* yang kukuh di semua agensi kerajaan untuk memastikan *standardisation* and *interoperability* daripada pengumpulannya untuk *future proofing* ekosistem *digital* Brunei Darussalam.
- iii. Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed;
- Mencadangkan untuk memperluaskan sektor *Postal Services* bagi mengurangkan masa dan kesesakan di *Mail Processing Center (MPC)* dengan penghantaran secara langsung ke rumah-rumah dan juga memudahkan perniagaan yang memesan barang dengan lebih efisien.
- iv. Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial @Tekpin bin Ya'akub;
- Ingin mengetahui jika perbezaan ketara bagi harga kenderaan motosikal di pasaran tempatan berbanding dengan negara jiran termasuk di dalam kawalan pihak kerajaan.
- v. Yang Berhormat Awang Amran bin Haji Maidin;
- Memohon pencerahan mengenai proses permohonan bagi mendapatkan jurulatih memandu yang mengambil masa agak lama; dan

- Ingin mengetahui inisiatif dan tindakan untuk menangani masalah kekurangan pegawai melesen dan pegawai penguji memandu.
- vi. Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir;
- Mencadangkan agar diwujudkan zon-zon perangkap had laju dengan menyediakan kamera perangkap laju Sistem Penguatkuasaan Automatic (AES) di kawasan-kawasan strategik; dan
  - Menyarankan agar denda bagi pesalah lalulintas dalam keadaan mabuk boleh diteliti semula mengikut denda yang dikenakan oleh negara luar.
- vii. Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin;
- Menyoalkan mengapakah Jabatan Penerbangan Awam masih lagi menggunakan perundangan Perintah Penerbangan Awam 2006 memandangkan Jabatan Penerbangan Awam telah diiktiraf sebagai organisasi penguatkuasaan penerbangan awam antarabangsa yang memenuhi piawaian Pertubuhan Penerbangan Awam Antarabangsa (ICAO);
  - Ingin mengetahui sejauh mana keupayaan Jabatan Penerbangan Awam sebagai pengawal selia (*regulator*) dan adakah Jabatan Penerbangan Awam sudah membuat *risk assessment* dan meneliti kesiapsiagaan (*preparedness*) dari segi keupayaan dalaman jabatan sebagai pengawal selia (*regulator*); dan
  - Ingin mengetahui jika sekiranya kapasiti Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei (LTAB) pada masa ini dapat berkemampuan untuk menampung pertambahan kapasiti daripada syarikat-syarikat penerbangan yang ada.

---

**[MAJLIS MESYUARAT NEGARA DITANGGUHKAN DAN AKAN DISAMBUNG SEMULA PADA HARI KHAMIS, 21HB MAC 2024 JAM 10:00 PAGI]**

---